

Edar kad ucapan rumah ke rumah



Wakil persatuan berkunjung ke salah sebuah rumah di Taman Seri Desa bagi menyampaikan kad ucapan sempena hari ibu.

MORIB - Persatuan Kebajikan Masyarakat Taman Seri Desa, Morib meraikan golongan wanita sempena sambutan hari ibu, semalam.

Pengerusinya, K Krishnamurthi berkata, walaupun duduk dalam satu taman perumahan, persatuannya mahu dilihat aktif dalam meraikan sumbangan ibu selain memupuk semangat kasih sayang sesama insan.

Menurutnya, sebanyak 124 kad ucapan diedarkan kepada ibu sekitar Taman Seri Desa sekali gus membantu mengenal jiran tetangga.

“Yang menariknya kita pergi rumah ke rumah memberi kad ucapan.

“Maklum balas yang diterima sangat baik dan mereka kelihatan gembira,” katanya.

Krishnamurthi berkata, beliau akan meneruskan aktiviti itu sebagai satu aktiviti tahunan supaya masyarakat sedar tanggungjawab sebagai anak kepada ibu bapa.

Katanya, walaupun hanya menghantar kad ucapan sahaja, kebanyakan ibu pasti gembira apabila masyarakat menghargai pengorbanan ibu.

Cabaran keibubapaan era moden

Masyarakat masih kurang kesedaran hadir seminar mengenai anak-anak

SIJANGKANG - Penyertaan ibu bapa dalam mana-mana seminar keibubapaan sama ada dianjurkan sekolah atau pihak luar masih kurang memuaskan.

Perkara ini diakui kebanyakan ibu bapa dalam Seminar Keibubapaan dan Pelajar: Menjana Kecemerlangan Dunia dan Akhirat anjuran Kafa Benteng Tengah, Sijangkang Jaya dan Batu 7 Sempadan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sijangkang.

Suri rumah, Hanifah Dakir, 46, berkata, dia mengakui gejala sosial yang sering berlaku di kebanyakan tempat menyebabkan dia hadir dalam kebanyakan aktiviti sekolah bagi mendapat maklumat dan ilmu bagaimana menguruskan anak-anak.

Menurutnya, pada hari ini, lambakan gajet di pasaran menyebabkan anak-anak leka dan



MASLINDA

bengkel keibubapaan sedikit sebanyak membantu mendidik golongan muda kini.

"Kita dulu-dulu mana ada bengkel ni, tapi hari ni bila ada bengkel, tak ada pun ibu bapa yang peka, malah tak datang pun," katanya pada Program Seminar Keibubapaan dan Pelajar di SK Sijangkang, semalam.

Bagi Norazifah Ayob, 49, program untuk ibu bapa ini



Ghazali menyampaikan penerangan mengenai menjana kecemerlangan di dunia dan akhirat di SK Sijangkang.

perlu supaya penjaga lebih prihatin dan peka dengan isu anak-anak hari ini.

"Selain anak, ibu bapa pun kena bagi motivasi supaya kuat berdepan anak bermasalah," katanya.

Seorang kakitangan swasta, Maslinda Misri, 46, berkata, walaupun dia baru sahaja pulang dari Pulau Langkawi jam 5

pagi semalam, dia masih gigih turut serta program itu.

Katanya, dia mahu ibu bapa buka mata dalam membantu pihak sekolah mendidik anak-anak.

"Saya yakin masih ada ibu bapa yang suka libatkan diri dengan aktiviti ini dan mungkin boleh anjurkan program bersiri dengan topik lain pula se-

lepas ini," katanya.

Sementara itu, penganjur program, Abdul Razak Khasbullah berkata, beliau menggerakkan aktiviti seminar ini sebagai usaha membantu ibu bapa mendapat sokongan moral dalam mendidik anak supaya berjaya.

"Saya akui program dianjurkan masa cuti, sebab tu

tak ramai ibu bapa hadir.

"Tapi sasaran kita hendak lihat 60 penyertaan dari tiga sekolah tercapai.

"Saya juga turut beri peluang ibu bapa berdialog bersama Naib Presiden Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (KPPMS) Negeri Selangor, Ghazali Hamzah," katanya.